

# TAR University College In the Limelight

### **BERITA HARIAN**

## 26 October 2016



Abdul Wahid beramah mesra bersama pemenang pada Pertandingan Akhir dan Majlis Penyampaian Hadiah Kuiz Pelaburan PNB 1Malaysia (Kategori Universiti) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Bandar Baru Nilai, semalam.

# **PNB terus pertingkat pelaburan**

Pelabur
dididik kaedah
terbaik
merancang
kewangan

#### Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi tuty@bh.com.my

Permodalan Nasional Berhad (PNB) akan terus meningkatkan pelaburan melalui syarikat di bawah kumpulan itu, walaupun ekonomi negara kini berhadapan pelbagai cabaran.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar, berkata langkah itu selaras hasrat kerajaan yang mahu melihat sektor swasta memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Sebagai contoh, katanya, pulangan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) untuk tempoh matang lima tahun adalah sekitar 3.2 peratus, berbanding empat peratus sebelum ini.

"Keadaan ekonomi ketika ini memang agak mencabar, tetapi melalui peruntukan yang betul dan strategi pelaburan yang bijak, PNB akan berusaha melakukan yang terbaik untuk pelabur," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Pertandingan Akhir dan Majlis Penyampaian Hadiah Kuiz Pelaburan PNB 1Malaysia (Kategori Universiti) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Bandar Baru Nilai, semalam.

Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman, dinobatkan sebagai johan pertandingan itu dan membawa pulang piala pusingan serta hadiah bernilai RM12,000.

Tempat kedua menjadi milik Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (ketiga) dan Universiti Nottingham Malaysia (keempat).

### Kesedaran melabur

Sementara itu, Wahid berkata, ketika ini penyertaan golongan muda dalam pelaburan masih rendah, tetapi pelaburan mereka dalam unit amanah PNB menunjukkan kesedaran melabur dan merancang kewangan sudah disemai.

"Malah, pelaburan mereka menunjukkan peningkatan konsisten dari semasa ke semasa. PNB akan terus mempergiatkan usaha pendidikan pelaburan bersepadu, termasuk di institusi pengajian tinggi seluruh negara, bagi memperkukuh kesedaran mengenai pelaburan dan perancangan kewangan," katanya.